

Tatabahasa

berdasarkan ayat yang bergaris, tukarkan ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang. **SP 5.5.1**

Bumi yang subur merupakan anugerah Tuhan yang memudahkan manusia untuk mencari rezeki. Seseorang itu akan mudah untuk memperoleh rezeki jika memiliki sifat rajin.

Contohnya, seseorang yang gigih mengusahakan ladang pasti akan mendapat hasil yang melimpah. Pelbagai jenis tanaman boleh diusahakan di ladang berkenaan. Tanaman mestilah dijaga dengan baiknya. Hasilnya boleh dijual dan digunakan untuk kegunaan sendiri. Jika diusahakan secara besar-besaran, hasilnya juga berpotensi untuk dieksport.

Oleh itu, pelbagai kaedah boleh dilakukan untuk mengaktifkan bidang pertanian. Hal yang penting, seseorang itu mestilah memiliki lokasi tanah yang sesuai untuk bercucuk tanam.

Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
1 Seseorang itu akan mudah untuk memperoleh rezeki jika memiliki sifat rajin.	
2 Pelbagai jenis tanaman boleh diusahakan di ladang berkenaan.	
3 Tanaman mestilah dijaga dengan baiknya.	
4 Hasilnya boleh dijual dan digunakan untuk kegunaan sendiri.	
5 Seseorang itu mestilah memiliki lokasi tanah yang sesuai untuk bercucuk tanam.	

Nota Tatabahasa

Ayat Susunan Biasa

- Ayat yang subjeknya diletakkan di hadapan, mendahului kedudukan predikat.
- Contoh ayat:
 - Surat itu daripada rakan karibnya.
 - Badrul mengangkat bakul yang berat itu.
 - Radio lama itu dibaki oleh datuk.

Ayat Susunan Songsang

- Ayat yang seluruh atau sebahagian predikatnya diletakkan di hadapan, mendahului kedudukan subjek.
- Penyongsangan ayat dilakukan untuk memberikan penegasan kepada predikat.
- Terdapat 2 bentuk ayat songsang:
 - Pendepanan Seluruh Predikat**
 - Mei Ling kawan baharu saya. (ayat susunan biasa)
 - Kawan baharu saya Mei Ling. (ayat susunan songsang)
 - Pendepanan Sebahagian daripada Predikat**
 - Abang belajar pada setiap hari. (ayat susunan biasa)
 - Belajar abang pada setiap hari. (ayat susunan songsang)